

# Dasar perolehan bertanggungjawab global



April 2021

Givaudan  
Human by nature

## **Isi kandungan**

1	Penyumberan Secara Bertanggungjawab di Givaudan	04
2	Skop dan tujuan Dasar ini	05
3	Hak asasi manusia	06
4	Alam sekitar	08
5	Integriti perniagaan	09
6	Naturals	10
7	Sintetik	12
8	Bahan & perkhidmatan tidak langsung	12
9	Pelaksanaan, pemantauan, pembangunan berterusan	13
10	Penambahbaikan berterusan dan pelaporan	14
11	Penilaian wajar dan pengesahan pematuhan dasar	14
12	Audit Pihak Ketiga – di peringkat kilang atau ladang	15
13	Ketidakpatuhan	15
14	Aduan	15
15	Lampiran	16



## Pengenalan - Penyumberan Secara Bertanggungjawab di Givaudan

Givaudan komited untuk memastikan bahawa, menjelang tahun 2030, penyumberan bahan dan perkhidmatan dilakukan dengan cara yang melindungi manusia dan alam sekitar. Sebagai peneraju industri yang telah melakar sejarah selama 250 tahun, kami bekerjasama dengan pengeluar dan pembekal untuk mentransformasi cara kami melakukan penyumberan dan mencipta nilai baharu yang dapat dikongsi bersama. Pendekatan kami dipacu oleh matlamat kami: Mencipta kehidupan lebih ceria, lebih sihat, yang cintakan alam semula jadi. Mari bayangkannya bersama; khususnya dalam memastikan semua pihak berkepentingan mendapat manfaat dengan bekerja bersama kami, dan memperkenalkan cinta kami terhadap alam semula jadi dalam apa saja yang kami lakukan.

Hari ini, bagi mencipta bahan ramuan, Givaudan menyumber lebih daripada 10,000 bahan mentah asli dari serata dunia melalui aktiviti perniagaan kami di Wangian & Kecantikan dan Rasa & Kesejahteraan.

Kami juga menyumber sintetik, pembungkusan dan perkhidmatan daripada ribuan pembekal tempatan, rantau dan global. Menguruskan rantaian bekalan pada skala ini secara bertanggungjawab adalah rumit, tetapi kami komited untuk bekerjasama dengan pembekal kami bagi meningkatkan ketelusan serta menambah baik amalan berkaitan kesihatan dan keselamatan, alam sekitar, sosial dan integriti perniagaan.

Kami komited untuk menghormati hak asasi manusia di mana saja kami beroperasi. Kami berusaha untuk memberi kesan positif terhadap komuniti di mana kami berada dan kami sedar bahawa kami mempunyai kewajiban penting untuk menyumbang terhadap pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti planet demi generasi akan datang. Program Penyumberan Bertanggungjawab kami mendukung Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (lihat lampiran).



Gilles Andrier  
Ketua Pegawai Eksekutif



Willem Mutsaerts  
Ketua Perolehan Global

# Skop dan tujuan Dasar ini


Dasar Penyumberan Bertanggungjawab ini menggariskan prinsip dan standard yang kami kehendaki semua pembekal kami patuhi. Kami hanya menjalankan perniagaan dengan pembekal yang mematuhi standard ini dan kami mahukan setiap orang bekerja ke arah matlamat itu.

Dasar ini terpakai bagi semua pembekal kita. "Pembekal" merujuk kepada sesiapa, individu maupun syarikat, yang membekalkan apa-apa barang atau perkhidmatan kepada kita.

Ita termasuk mana-mana pengeluar utama bahan mentah, pembekal bahan mentah, bahan perantaraan, pembekal perantaraan dan penyedia perkhidmatan. Dasar ini terpakai bagi semua lokasi dan kakitangan serta pekerja mana-mana pembekal (termasuk pekerja tetap, sementara, ejen kontrak dan pekerja asing), dan juga subkontraktor, ejen serta subsidiari.

Dasar ini mengandungi keperluan umum yang terpakai bagi semua bidang rantaian bekalan. Ita juga mengandungi beberapa keperluan khusus berkaitan dengan Pembekal Natural, Sintetik dan Bahan & Perkhidmatan Tidak Langsung (IM&S), yang memberikan penjelasan yang lebih terperinci tentang topik-topik tertentu.

Givaudan menjangkakan para pembekal menggunakan Dasar ini sebagai alat panduan bagi membantu mereka membuktikan pematuhan melalui aktiviti penambahbaikan berterusan mereka. Kami maklum bahawa sesetengah cabaran memerlukan masa untuk ditangani. Kami akan mengambil kira faktor ini jika berkenaan. Kami akan memantau dan mengukur kemajuan melalui proses semakan pembekal secara berkala dan melalui penilaian khusus dan audit. Walau bagaimanapun, sekiranya Givaudan mendapati bahawa mana-mana pembekal tidak dapat, atau enggan, mengambil tindakan yang perlu untuk membuktikan pematuhan dalam tempoh masa yang dipersetujui, maka Givaudan boleh mengambil langkah perlu untuk mencari bekalan alternatif bagi bahan atau perkhidmatan tertentu.





## Keperluan umum

Keperluan berikut terpakai bagi semua pembekal dan ia adalah selaras dengan standard yang diiktiraf secara antarabangsa, termasuk komitmen kami terhadap Kompak Global PBB (UNGC).

### 1. Hak asasi manusia

#### Kesihatan & Keselamatan

Givaudan memerlukan semua pembekal mematuhi semua peraturan dan standard kesihatan & keselamatan yang terpakai, termasuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk para pekerja, melaksanakan prinsip Akses Air, Sanitasi dan Kebersihan (WASH) dalam operasi mereka, memastikan tempat kerja mempunyai laluan kecemasan yang sesuai, menyediakan peralatan dan latihan keselamatan yang bersesuaian dengan tugasan, serta memastikan para pekerja mempunyai akses terhadap penjagaan perubatan kecemasan.

Latihan berkala dan prosedur berkaitan kesihatan & keselamatan hendaklah dilaksanakan bagi memastikan keperluan berkenaan keselamatan pekerjaan & kesihatan dikenal pasti, dikemas kini dan dikongsikan.

#### Keadaan kerja

Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang terpakai berkaitan upah, potongan, waktu bekerja, kerja lebih masa dan manfaat. Mereka hendaklah membayar upah wajar, yang sekurang-kurangnya, mematuhi standard undang-undang atau norma negara yang berkenaan, membuat potongan hanya untuk mereka yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai dan menyediakan maklumat bertulis yang boleh difahami kepada pekerja tentang upah mereka serta keadaan kerja.

Pembekal hendaklah menyediakan waktu rehat yang munasabah kepada pekerja, waktu rehat yang mencukupi antara syif, dan sekurang-kurang satu hari cuti dalam tempoh setiap tujuh hari. Pekerja tidak boleh diminta bekerja lebih dari 48 jam seminggu. Kerja lebih masa tambahan hendaklah secara sukarela, tidak boleh kerap melebihi 12 jam seminggu, dan mesti diberi pampasan pada kadar yang bersesuaian.

Pembekal mesti menyediakan manfaat kepada pekerja selaras dengan undang-undang terpakai, termasuk cuti sakit, cuti am, cuti tahunan dan cuti ibu bapa. Penggajian pekerja sementara atau menggunakan kontrak sementara mesti mematuhi undang-undang pekerjaan negara yang berkaitan.

Pembekal mesti menghormati hak pekerja untuk membentuk dan menyertai kesatuan sekerja, untuk menjalankan fungsi representatif di tempat kerja, dan untuk berunding secara kolektif, mengikut undang-undang terpakai.

## Buruh kanak-kanak, buruh paksa dan pemerdagangan manusia

Pembekal tidak boleh menawarkan pekerjaan kepada kanak-kanak sebelum mereka melengkapkan pendidikan wajib mereka dan dalam apa jua keadaan, sebelum mereka mencecah usia 15 tahun. Pembekal mesti memastikan pekerja muda tidak melakukan kerja yang menyebabkan mereka tidak dapat menghadiri persekolahan atau yang mendatangkan mudarat atau yang berbahaya. Pembekal juga dikehendaki mematuhi semua kewajiban pelaporan berkenaan penghapusan buruh kanak-kanak.

Pembekal tidak boleh menggunakan sebarang buruh ikatan atau paksa, perhambaan, buruh tahanan bukan sukarela atau pemerdagangan manusia. Ini bermakna tiada paksaan dalam pekerjaan; tiada penahanan upah atau upah tak dibayar; tiada penahanan pasport atau dokumen pengenalan; tiada ikatan hutang atau caj perekutan melampau. Pembekal tidak boleh menggunakan atau bertolak ansur dengan sebarang bentuk hukuman dera, penderaan fizikal atau mental, ancaman keganasan, fi atau denda monetari, atau sebarang bentuk penderaan, paksaan atau ugutan.

Pembekal tidak boleh terlibat dalam atau mendapat manfaat daripada penggunaan buruh kanak-kanak atau buruh paksa seperti yang dinyatakan di atas, di luar organisasi mereka.

## Kepelbagaian, sikap menghormati di tempat kerja, layanan adil

Givaudan menghendaki pembekal melayan semua pekerja mereka dengan penuh hormat dan bermaruah. Kami menghormati kepelbagaian di tempat kerja, dan kami tidak bertolak ansur dengan gangguan dan penderaan. Pembekal juga dikehendaki merekrut, menggaji dan menaikkan pangkat pekerja, sepenuhnya atas dasar kelayakan dan keupayaan yang diperlukan untuk kerja yang dilaksanakan, tanpa mengambil kira bangsa, umur, jantina, negara asal, agama, orientasi seksual atau sebarang kategori lain yang tidak berkaitan dengan prestasi.

Khususnya, kami memberi tumpuan terhadap layanan adil kepada wanita dan lelaki. Kami percaya bahawa pemerkasaan wanita adalah penting dalam mengembangkan pertumbuhan ekonomi dan mendorong pembangunan sosial dalam masyarakat. Kami berusaha untuk memastikan gaji yang sama untuk kerja yang setaraf nilainya. Kami menghendaki pembekal kami untuk memahami dan mematuhi standard ini.

## Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (“Free, Prior and Informed Consent”, FPIC) dan Hak Tanah

Hak tanah komuniti tempatan dan penduduk asli hendaklah dipatuhi dan proses Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum mesti dihormati di semua tapak pengeluaran bahan mentah. Di samping itu, manfaat yang diperoleh mesti dikongsi dengan komuniti secara adil dan telus.

Kami percaya bahawa tanah melambangkan aset ekonomi yang sangat berharga, dan merupakan sumber identiti serta budaya. Kami menghormati hak dan pegangan harta dan tanah setiap individu, penduduk asli dan komuniti tempatan. Ini juga merangkumi hak budaya, hak penentuan diri dan hak bebas diskriminasi dalam konteks ini.

Oleh itu, kami menghendaki pembekal kami untuk tidak mengamalkan sebarang bentuk pengambilan tanah, air, hutan atau galian. Dalam sebarang rundingan berhubung dengan harta atau tanah milik individu, penduduk asli atau komuniti tempatan, termasuk berkaitan penggunaan dan pemindahannya, kami mengamalkan prinsip FPIC, ketelusan kontrak dan pendedahan.

## Hak komuniti

Kami menghormati hak asasi manusia penduduk komuniti yang terkesan oleh aktiviti kami. Kami mengakui bahawa kumpulan minoriti dan senang terdedah perlu diberi perhatian khusus. Kami memerlukan pembekal untuk terlibat secara kerap dan sistematik dengan komuniti mereka melalui dialog bersama pihak berkepentingan untuk, antara lain, memahami keperluan mereka dengan lebih baik.

Klik pada pautan ini untuk mengakses Dasar Hak Asasi Manusia Givaudan:

[www.givaudan.com/files/giv-human-rights-policy.pdf](http://www.givaudan.com/files/giv-human-rights-policy.pdf)





## 2. Alam sekitar

### Prinsip pengurusan alam sekitar

Pembekal hendaklah mematuhi semua peraturan alam sekitar yang terpakai dan sentiasa menyasarkan untuk mengurangkan impak mereka terhadap alam semula jadi dan landskap. Pembekal mesti melaksanakan prinsip pengurusan alam sekitar yang mengelakkan daripada mengakibatkan sebarang pencemaran udara, tanah dan air, dan pada masa yang sama, memulihara biodiversiti dan alam semula jadi.

Givaudan telah menetapkan sasaran tinggi untuk mengurangkan jejak karbon dan penggunaan air serta untuk mempertimbangkan semula penggunaan plastik. Kami menghendaki semua pembekal Natural, Sintetik dan IM&S menyokong usaha ini dengan bekerjasama dalam menyediakan data dan maklumat tentang jejak karbon mereka, penggunaan air, dan kesan alam sekitar apabila diperlukan, dan untuk berusaha mengurangkan impak keseluruhan mereka dalam satu jangka masa.

Sehubungan itu, kami meminta agar:



Pembekal menggunakan pelan pengurusan untuk memenuhi kewajiban pematuhan alam sekitar dan mengurangkan impak terhadap alam sekitar.



Pembekal mencegah penghasilan sisa dan menggunakan konsep pengurusan sisa 5R: Kurangkan ("Reduce"), Guna Semula ("Reuse"), Baiki ("Repair"), Kitar Semula ("Recycle"), Pulihkan ("Recover") dan/atau lupuskan dengan cara yang mesra alam. Pembekal hendaklah mengenal pasti semua aliran sisa dan memastikan semuanya dikendalikan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan.



Pembekal mematuhi peraturan tempatan berkaitan rawatan air buangan dan memastikan mereka mengurangkan impak mereka terhadap legeh, di tempat mereka beroperasi. Ini termasuk aspek kekurangan air, kualiti air dan tegasan air.



Pembekal memantau kawasan yang dilindungi dan kawasan yang mempunyai nilai pemuliharaan yang tinggi bagi menguruskan impak terhadap biodiversiti.



Pembekal menilai potensi mengurangkan pelepasan karbon sebagai sebahagian daripada langkah pengurangan krisis iklim mereka.



Pembekal yang menggunakan plastik dalam produk dan pembungkusan mereka mempertimbangkan pilihan untuk mengurangkan penggunaannya dan/atau bertukar ke penyelesaian boleh dibaharui dalam proses pengeluaran mereka.

### 3. Integriti perniagaan

#### Pematuhan undang-undang, standard dan konvensi antarabangsa

Givaudan menghendaki setiap pembekal mematuhi semua undang-undang terpakai di negara tempat ia beroperasi. Kami juga memerlukan semua pembekal untuk melaksanakan sistem yang memadai bagi menguruskan integriti perniagaan.

#### Rasuah

Kami mendorong supaya pembekal kami tidak sekali-kali menawarkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga, sebarang bayaran haram, sogokan atau apa-apa kelebihan kepada mana-mana pegawai mana-mana kerajaan, parti politik atau entiti yang dikawal kerajaan, ataupun kepada mana-mana individu yang bekerja di entiti sektor swasta bagi tujuan memperoleh, mengekalkan atau mempengaruhi perniagaan atau perkhidmatan lain, secara tidak wajar. Ini termasuk sebarang "bayaran pemudahan".

Sekiranya pembekal dikehendaki bertindak atas nama atau bagi pihak Givaudan dalam sebarang transaksi, pembekal juga mestilah mematuhi dasar dan prosedur dalam Givaudan seolah-olah ia adalah entiti Givaudan. Dalam kes ini, Givaudan akan memberikan satu salinan semua dasar dan prosedur yang berkenaan kepada pembekal.

#### Hadiah, hiburan dan hospitaliti

Pembekal tidak boleh memberi sebarang hadiah, hiburan atau hospitaliti kepada Givaudan atau mana-mana pekerja Givaudan atau mempengaruhi sebarang keputusan Givaudan ataupun pekerja tersebut.

#### Pengubahan wang haram

Givaudan menghendaki semua pembekal untuk benar-benar mematuhi semua undang-undang pencegahan pengubahan wang haram dan memastikan sebarang proses dan kawalan yang perlu telah dilaksanakan.

#### Penipuan kewangan

Givaudan menghendaki semua pembekal untuk komited dalam mencegah, mengesan dan melaporkan penipuan, termasuk pelaporan kewangan palsu, dan untuk mengekalkan persekitaran kawalan yang mengurangkan sebarang risiko penipuan.

#### Persaingan adil

Givaudan menghendaki semua pembekal untuk komited dalam memastikan sistem pasaran bebas yang adil dan kompetitif dan bertindak selaras dengan peraturan dan semua undang-undang antitrust, persaingan dan amalan perdagangan yang berkenaan.


#### Maklumat sulit

Givaudan mendesak supaya pembekal tidak sekali-kali mendedahkan sebarang maklumat sulit atau rahsia perdagangan yang mereka peroleh dalam menjalankan transaksi dengan Givaudan atau mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran Givaudan terlebih dahulu, melainkan undang-undang terpakai atau perintah mahkamah memerlukan pendedahan sedemikian. Pembekal hendaklah menggunakan sebarang maklumat sulit atau maklumat rahsia perdagangan hanya sekadar untuk memenuhi perjanjian mereka dengan Givaudan. Pembekal tidak boleh melanggar hak milik intelek Givaudan dalam apa juga cara.

#### Isu pelaporan

Pembekal dikehendaki melaksanakan mekanisme dan proses aduan bagi menangani isu integriti perniagaan, termasuk isu yang mungkin berkait dengan sogokan dan rasuah. Sistem sedemikian hendaklah termasuk kaedah yang membolehkan pekerja menyuarakan keimbangan berkaitan pematuhan dengan cara sulit tanpa rasa takut akan tindakan balas.





## Keperluan khusus

Di samping keperluan umum yang digariskan dalam bab yang sebelum ini, Givaudan menghendaki pembekal Natural, Sintetik dan/atau IM&S mematuhi standard khusus berikut, jika berkenaan.

### 1. Naturals

Kami sedar bahawa kami menghadapi cabaran alam sekitar yang semakin besar. Oleh itu, kami memerlukan pembekal kami melaksanakan Amalan Wajar Pertanian dan Pungutan<sup>(1)</sup> bagi menyumbang usaha untuk mengurangkan impak perubahan iklim, membina daya tahan iklim, melindungi dan mempromosi biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem, terutamanya dengan menangani isu-isu ini:

#### Pekebun kecil

Pekebun kecil boleh menjadi bahagian utama dalam rangkaian penyumberan bahan mentah kami. Kami sedar bahawa kami perlu bekerjasama dengan pembekal kami untuk mencari kaedah yang boleh laksana bagi menerapkan Dasar kami sewajarnya. Untuk itu, kami menggalakkan pembekal kami memastikan Givaudan dapat mengenal pasti di mana pekebun kecil memainkan peranan dalam rantai bekalan bahan mentah utama kami dan menyumbang dalam mengurangkan impak

perubahan iklim, melindungi biodiversiti dan ekosistem.

#### Biodiversiti, ekosistem dan pemerosotan tanah

Givaudan menyokong terma Konvensyen Kepelbagaian Biologi\*, iaitu pemuliharaan kepelbagaian biologi, penggunaan komponen kepelbagaian biologi secara mampan dan perkongsian faedah secara adil dan saksama, hasil daripada penggunaan sumber genetik.

- *Perkongsian faedah yang diperoleh daripada penggunaan biodiversiti secara adil dan saksama*

Pembekal dikehendaki mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan dalam melaksanakan Protokol Nagoya.

- *Pemuliharaan dan Penggunaan Biodiversiti secara Mampan*

Ekosistem yang mempunyai kepelbagaian spesies yang signifikan, termasuk spesies endemik, jarang dijumpai, atau terancam, serta ekosistem yang cekap dalam menyimpan karbon seperti hutan, tanah basah dan padang rumput, hendaklah dipulihara atau dipulihkan.

Pembekal dikehendaki mengusahakan pertanian atau memungut dengan cara yang mendorong biodiversiti dengan:

Mengamalkan pertanian janaan semula.

Menguruskan tuaian tumbuhan liar bagi memastikan pertumbuhan semula spesies liar dengan cara yang mampan.

1. [www.who.int/medicines/publications/traditional/gacp2004/en/](http://www.who.int/medicines/publications/traditional/gacp2004/en/)

Nota: Garis panduan GACP oleh WHO meliputi herba, bahan herba dan terbitan tumbuhan lain. Herba merangkumi bahagian kasar tumbuhan seperti daun, bunga, buah, biji, batang, kayu, kulit pokok, akar, rizom atau bahagian lain tumbuhan, sama ada dalam bentuk yang lengkap, cebisan atau serbuk. Bahan-bahan herba termasuk, selain daripada herba, jus segar, damar, minyak lemak, minyak pati, resin dan serbuk herba yang kering. Di sesetengah negara, bahan-bahan ini mungkin diproses dengan melalui pelbagai prosedur tempatan, seperti mengukus, memanggang, atau membakar sambil dikacau dengan madu, minuman beralkohol atau bahan-bahan lain.

\* Konvensyen Kepelbagaian Biologi dan Protokol Nagoya ([www.cbd.int/](http://www.cbd.int/))

## Pembasmian hutan

### Pembasmian hutan

Produk yang kami beli hendaklah tiada kaitan dengan pembasmian hutan dan penukaran syarat tanah. Pembekal kami hendaklah mengelakkan daripada terlibat dalam pembasmian hutan dan penukaran syarat tanah bagi tujuan pertanian.

Kami menghendaki pembekal kami untuk komited terhadap prinsip "Tiada Pembasmian Hutan, Tiada Gambut, Tiada Eksplorasi (NDPE)":

- Ini juga termasuk tiada pembangunan di kawasan-kawasan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) dan Stok Karbon Tinggi (HCS);
- Tiada pembangunan di tanah gambut atau tanah basah lain.

Kami juga menggalakkan tindakan pemampasan di kawasan penanaman hutan bagi memastikan pertumbuhan semula yang wajar di kawasan yang terkesan oleh aktiviti tersebut.

## Racun perosak dan bahan berbahaya

Secara khususnya, kami menjangkakan pembekal kami untuk tidak sekali-kali menggunakan racun perosak haram atau bahan-bahan yang dilarang di negara-negara tempat penanaman tumbuhan liar dilakukan. Kami juga menghendaki pembekal kami untuk melaksanakan Pengurusan Haiwan Perosak Bersepadu, yang membolehkan penggunaan agrokimia sintetik dikurangkan.

## Kebajikan haiwan

Semua haiwan hendaklah diperlakukan dengan bertanggungjawab dan beretika. Kami menghendaki pembekal produk dan bahan yang mengandungi haiwan untuk menepati standard kebaikan haiwan yang tinggi. Ini termasuk yang berkaitan dengan: ketumpatan tempat tinggal; makanan dan amalan pemberian makanan; kebersihan; penggunaan antibiotik secara bertanggungjawab; pengelakan daripada prosedur yang menyakitkan; amalan pengangkutan yang wajar(2); dan tidak terlibat dalam perdagangan hidupan liar yang haram.

## Kebolehkesanan sumber untuk bahan mentah

Givaudan komited dalam mencipta rangkaian penyumberan telus yang boleh dikesan hingga ke sumber bahan mentah. Ini adalah kerana ketulusan rantaian bekalan merupakan asas dalam menilai dan memantau risiko, serta membolehkan kami terlibat dengan pembekal kami untuk menyokong penambahan dalam mematuhi Dasar kami.

Kami memerlukan pembekal langsung kami menyokong komitmen kami dalam memastikan kebolehkesanan dengan memberikan maklumat tentang langkah-langkah dan pelaku-pelaku dalam rantaian bekalan mereka kepada peringkat penghasilan utama. Sehubungan itu, kami mahukan pembekal langsung kami menerapkan standard yang digariskan dalam Dasar ini ke dalam rantaian bekalan rakan kongsi mereka sendiri hingga ke sumber bahan mentah.

2. seperti yang dinyatakan oleh Majlis Kebajikan Ternakan Ladang dan disokong oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE)



## 2. Sintetik

Sebagai standard minimum, setiap pembekal Sintetik dikehendaki memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan yang terpakai dalam kerja mereka, dan ini akan merangkumi cabaran sosial dan alam sekitar yang dihadapi oleh beberapa subkategori.

Setiap pembekal bahan sintetik dikehendaki berusaha mematuhi Dasar ini, dan dikehendaki untuk bekerjasama dengan Givaudan dalam pelbagai amalan pengesahan yang berkenaan, yang mungkin digunakan bergantung pada jenis bahan yang disediakan.

Disebabkan sifat bahan yang disumber dalam kategori ini, tumpuan khas diperlukan daripada pembekal kami dalam bidang biodiversiti, kesihatan & keselamatan, pengendalian bahan kimia dan pengurusan sisa. Oleh itu, pematuhan undang-undang dan peraturan yang terpakai (cth. REACH) adalah diperlukan.



## 3. Bahan & perkhidmatan tidak langsung

Rantaian bekalan bahan dan perkhidmatan tidak langsung terdiri daripada pelbagai pembekal, bahan dan perkhidmatan, yang termasuk pembungkusan, logistik, perkhidmatan profesional, pengurusan sisa, pengurusan bangunan dan kemudahan, dan perekutan. Setiap satunya mempunyai metodologi dan proses penyediaan bahan atau perkhidmatan yang tersendiri, dan semuanya adalah terangkum dalam skop dasar ini.

Sebagai standard minimum, setiap pembekal IM&S dikehendaki memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan yang terpakai dalam kerja mereka, dan ini akan merangkumi cabaran sosial dan alam sekitar yang dihadapi oleh beberapa subkategori.

Dalam kategori IM&S, Givaudan menggunakan plastik dalam rantaian bekalannya. Kami menghendaki pembekal yang menggunakan plastik dalam produk dan pembungkusan untuk mengurangkan kesan berbahaya dengan mengurangkan penggunaannya atau menggunakan bahan kitar semula atau bahan boleh baharu dalam penghasilannya.



## Pelaksanaan dasar, pemantauan, penambahbaikan berterusan

Kami memerlukan pembekal kami untuk menyokong komitmen kami terhadap pematuhan Dasar Penyumberan Bertanggungjawab dalam kerja mereka dengan memastikan mereka dan pekerja mereka memahami sepenuhnya kandungan dasar dan mematuhiinya. Kami juga memerlukan pembekal kami untuk menyampaikan keperluan Dasar ini kepada peringkat penghasilan utama melalui rantaian bekalan mereka bagi memastikan bahawa mereka juga mematuhi prinsip yang dinyatakan dalam Dasar.

## Sistem pengurusan pembekal

Givaudan memerlukan semua pembekal untuk melaksanakan sistem pengurusan yang membolehkan pematuhan Dasar Penyumberan Bertanggungjawab ini. Ini, sekurang-kurangnya, termasuk yang berikut:



### Pengurusan risiko

Givaudan memerlukan semua pembekal untuk melaksanakan mekanisme bagi mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko dalam semua bidang dalam skop Dasar ini.



### Dokumentasi

Givaudan memerlukan pembekalnya berupaya untuk membuktikan pematuhan Dasar ini dengan memastikan terdapat dokumentasi yang mencukupi. Dokumentasi ini mungkin disemak oleh Givaudan dengan diberi notis munasabah terlebih dahulu.



### Komunikasi tentang Dasar Penyumberan Bertanggungjawab

Givaudan memerlukan pembekalnya menyampaikan Dasar ini kepada semua pekerja berkenaan (termasuk pekerja tetap, sementara, ejen kontrak dan pekerja asing) serta subkontraktor, ejen dan subsidiari.



### Pengintegrasian

Givaudan memerlukan pembekalnya mengintegrasikan prinsip yang digariskan oleh Dasar ini dalam kemudahan mereka dan di serata rantaian bekalan mereka, dengan bekerjasama dengan pembekal sumber bahan atau perkhidmatan.

## Penambahbaikan berterusan dan pelaporan

### berterusan dan pelaporan

Kami memerlukan pembekal untuk melibatkan kami dalam usaha penambahbaikan berterusan dan untuk mengesahkan proses penyumberan bertanggungjawab serta amalan mereka adalah selaras dengan Dasar ini.


Di mana mungkin, Givaudan akan cuba memberi sokongan kepada pembekal dalam usaha ini dengan harapan untuk mencapai hasil positif dalam semua intervensi.

## Penilaian wajar dan pengesahan pematuhan dasar

Prinsip Dasar ini adalah berasaskan penglibatan pembekal, melalui dialog dan sikap saling mempercayai, dan kami amat menggalakkan bekerja secara telus dan kolaboratif bersama pembekal kami.

Givaudan akan menggunakan pelbagai alat pengesahan dan penilaian wajar bagi memastikan pembekal pada peringkat berbeza dalam rantai bekalan menepati jangkaan kita, serta prinsip yang ditetapkan dalam Dasar ini. Ini termasuk menghantar Soal Selidik Penilaian Wajar (DDQ) kepada pembekal terpilih dan meminta mereka untuk melengkapannya, atau meminta pembekal untuk menjalani audit pihak ketiga di peringkat kilang dan/atau ladang.

Givaudan juga berhak untuk mengiktiraf standard pensijilan rantaian bekalan tertentu untuk menggantikan audit pihak ketiga.





## Audit Pihak Ketiga – di peringkat kilang atau ladang

Givaudan berhak untuk meminta dan menjalankan audit sosial dan alam sekitar di mana-mana kemudahan pembekal dan di mana-mana bahagian rantaian bekalan lanjutan mereka, termasuk di peringkat ladang, dari semasa ke semasa. Ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan protokol dalaman atau melalui audit etika pihak ketiga. Dalam kes audit pihak ketiga, pembekal dikehendaki menanggung kos audit tersebut. Ini membolehkan pembekal memiliki data dan berkongsi laporan audit tersebut dengan pelanggan lain tanpa perlu menjalani audit yang serupa dalam tempoh masa yang sama atau serupa. Givaudan dan pembekal akan membincangkan hasil audit tersebut, yang perlu mengenal pasti dengan jelas bidang-bidang penambahbaikan serta pelan tindakan pembetulan yang dipersetujui.

Givaudan menghendaki mana-mana pembekal yang telah diaudit untuk menyelesaikan sebarang ketakakuran penting atau kritikal dalam tempoh masa yang dipersetujui dan untuk menyediakan dokumen sokongan yang diminta.

Sebarang audit yang dijalankan, sama ada secara dalaman atau melalui pihak ketiga, biasanya perlu diulang dalam tempoh tiga tahun. Givaudan dan pembekal akan memastikan proses ini dikenalkan.

## Ketidakpatuhan

Pembekal dikehendaki menggunakan Dasar ini bagi membantu mereka membuktikan pematuhan melalui aktiviti penambahbaikan berterusan mereka. Kami maklum bahawa sesetengah cabaran memerlukan masa yang lama untuk ditangani. Kami akan mengambil kira faktor ini jika berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya Givaudan mendapati bahawa mana-mana pembekal tidak dapat, atau enggan, mengambil tindakan yang perlu untuk membuktikan pematuhan dalam tempoh masa yang dipersetujui, maka Givaudan boleh mengambil langkah perlu untuk mencari bekalan alternatif bagi bahan atau perkhidmatan tertentu.

## Aduan

Kami menggalakkan pembekal untuk menyuarakan keimbangan tentang pematuhan etika atau tingkah laku pekerja atau wakil Givaudan, dan untuk melaporkan keimbangan sedemikian kepada kami. Ini boleh dilakukan dengan menghubungi orang hubungan perniagaan yang biasa mereka hubungi di Givaudan.

Di samping itu, keimbangan berkaitan pematuhan etika boleh disuarakan secara sulit kepada Pegawai Pematuhan Korporat dengan menghantar e-mel ke: [global.compliance@givaudan.com](mailto:global.compliance@givaudan.com)

Untuk soalan berkaitan produk atau perkhidmatan yang tidak melibatkan isu pematuhan etika, pembekal diminta untuk menghubungi orang hubungan perniagaan yang biasa mereka hubungi.

## Kenalan

Givaudan SA

Chemin de la Parfumerie 5  
1214 Vernier  
Switzerland

Maklumat am:  
T + 41 22 780 9111  
E [global.sustainability@givaudan.com](mailto:global.sustainability@givaudan.com)

# Lampiran

**Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu**  
[www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/](http://www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/)

**Kompak Global PBB**  
[www.unglobalcompact.org/what-is-gc/mission/principles](http://www.unglobalcompact.org/what-is-gc/mission/principles)

**Keahlian Givaudan di UNGC**  
[www.unglobalcompact.org/what-is-gc/participants/search?utf8=%E2%9C%93&search%5Bkeyw%ords%5D=givaudan&button=&search%5Bper\\_pa%ge%5D=10&search%5Bsort\\_field%5D=&search%5Bsort\\_direction%5D=asc](http://www.unglobalcompact.org/what-is-gc/participants/search?utf8=%E2%9C%93&search%5Bkeyw%ords%5D=givaudan&button=&search%5Bper_pa%ge%5D=10&search%5Bsort_field%5D=&search%5Bsort_direction%5D=asc)

**Dasar Hak Asasi Manusia Givaudan**  
[www.givaudan.com/files/giv-human-rights-policy.pdf](http://www.givaudan.com/files/giv-human-rights-policy.pdf)

**Kod Etika dan Pematuhan Givaudan**  
[www.givaudan.com/our-company/responsible-business/ethics-compliance](http://www.givaudan.com/our-company/responsible-business/ethics-compliance)

**Prinsip Kelakuan Givaudan**  
[www.givaudan.com/our-company/responsible-business/code-of-conduct](http://www.givaudan.com/our-company/responsible-business/code-of-conduct)

**Garis Panduan GACP oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia**  
[www.who.int/medicines/publications/traditional/gacp2004/en/](http://www.who.int/medicines/publications/traditional/gacp2004/en/)

**Konvensyen Kepelbagaian Biologi dan Protokol Nagoya**  
[www.cbd.int/](http://www.cbd.int/)

**Majlis Kebajikan Ternakan Ladang dan disokong oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE)**  
[www.oie.int/fr/bien-etre-animal/le-bien-etre-animal-dun-coup-doeil/](http://www.oie.int/fr/bien-etre-animal/le-bien-etre-animal-dun-coup-doeil/)

**Peraturan EU REACH**  
[https://echa.europa.eu/regulations/reach/understanding-reach](http://echa.europa.eu/regulations/reach/understanding-reach)

**Garis Panduan Pengurusan Tanah Mampan Sukarela**  
[www.fao.org/3/a-bl813e.pdf](http://www.fao.org/3/a-bl813e.pdf)

**Kawasan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) dan Stok Karbon Tinggi (HCS)**  
[www.hcvnetwork.org/about-hcvf](http://www.hcvnetwork.org/about-hcvf)  
<http://highcarbonstock.org/the-hcsapproach-toolkit/>

**Senarai Merah IUCN**  
[www.iucnredlist.org](http://www.iucnredlist.org)

**Platform Inisiatif Pertanian Mampan (SAI) – Penilaian Kemapanan Ladang (FSA) Platform**  
<https://saiplatform.org/fsa/>

**Sedex**  
[www.sedex.com/](http://www.sedex.com/)

**EcoVadis**  
<https://ecovadis.com/>



